

20 OCT 1996

Khalil-Polis

PAHANG MAHUKAN ANALISIS TERPERINCI STATUS EKONOMI PESARA POLIS

KUANTAN, 20 Okt (Bernama) -- Persatuan Bekas-bekas Polis Malaysia Bahagian Negeri Pahang hari ini diminta menyediakan laporan kajian terperinci mengenai status ekonomi anggota-anggotanya bagi memudahkan kerajaan negeri menyalurkan bantuan.

Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata kerajaan ingin tahu jumlah sebenar bekas polis yang memerlukan bantuan dan yang mempunyai kekuatan untuk berdikari selepas menamatkan perkhidmatan.

Semasa ditemui pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung ke-18 persatuan itu di sini, beliau berkata keutamaan akan diberikan kepada mereka yang terlalu uzur, balu dan anak-anak yang kematian bapa, tiada saudara mara atau cacat anggota.

Katanya, antara lain mereka boleh menikmati saham Felcra atau saham Tabung Kumpulan Modal Bumiputera Pahang (Kumipa) secara percuma dan biasiswa Yayasan Pahang bagi melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat yang paling tinggi.

Beliau menasihati mereka supaya tidak mensia-siakan peluang menikmati saham percuma itu yang diberikan sebagai tanda penghargaan kerajaan negeri terhadap pengorbanan yang dicurahkan kepada negara selama ini.

Selain itu, katanya, kajian juga akan dibuat sama ada pesara-pesara polis itu sanggup mengikuti kursus-kursus kemahiran dalam bidang perindustrian bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh.

Semasa ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa harga rumah kos rendah di negara ini seharusnya ditentukan mengikut lokasi projek perumahan itu didirikan, Khalil berkata Pahang bersetuju dengan konsep itu.

Beliau berkata ini kerana rumah-rumah kos rendah di negeri ini tidak lagi dua bilik tetapi tiga bilik yang sekiranya berharga lebih RM25,000 pun keadaannya lebih baik sedikit.

Katanya, harga RM25,000 bagi rumah kos rendah boleh dikekalkan di kawasan luar bandar memandangkan harga tanah yang murah berbanding dengan tanah di bandar yang perlu dibeli oleh pemaaju sebelum membangunkan projek mereka.

Semalam, Perdana Menteri berkata penetapan harga rumah mengikut lokasi lebih logik dan realistik berikutan harga tanah semakin tinggi dan berbeza-beza mengikut lokasi iaitu di kawasan bandar atau luar bandar. --

BERNAMA

ROS AKD